



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BERSAMA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

BIL. 68 / 2019

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA JALIN KERJASAMA UNTUK MEWUJUDKAN KEFAHAMAN DEMOKRASI MELALUI PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI

1. Pengurus Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), YBrs. Tuan Azhar Azizan Harun telah mengadakan kunjungan hormat kepada YB. Dr. Maszlee bin Malik, Menteri Pendidikan pada 8 Ogos 2019. Semasa kunjungan tersebut, kedua-dua pihak telah membincangkan penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun, pelaksanaan program pendidikan pengundi dan silibus pembelajaran di peringkat sekolah dan universiti.
2. Ini adalah susulan daripada kelulusan pindaan Perlembagaan Persekutuan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam sesi Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas yang telah bersetuju sebulat suara menurunkan had umur pengundi dan calon pilihan raya daripada 21 tahun kepada 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.
3. Akademi Pilihan Raya (APR) telah mula menjalankan Program Pendidikan Pengundi pada tahun 2017. Program itu melibatkan pelajar-pelajar Universiti Awam, Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Latihan Kementerian Kesihatan, Institut Pendidikan Guru dan Institusi

Pendidikan MARA. Pada tahun 2019 ianya diperluaskan ke Kolej Matrikulasi, Institut Latihan Kementerian Sumber Manusia, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN). Sehingga 31 Julai 2019, sebanyak 70 program telah dijalankan dengan penyertaan seramai 33,814 orang mahasiswa/pelajar.

4. Bermula pada tahun 2019, APR telah menjalankan kerjasama strategik bersama Kelab Malaysiaku (Jabatan Penerangan Malaysia) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) bagi menganjurkan Program Pendidikan Sivik di kalangan pelajar sekolah. Sehingga 31 Julai 2019, sebanyak 109 program telah dijalankan dengan penyertaan seramai 25,489 orang pelajar sekolah.
5. Pihak SPR akan mengemaskini segala maklumat mengenai proses penjalanan pilihan raya apabila terdapat apa-apa perubahan atau penambahbaikan di dalam proses tersebut. Bagi memastikan semua pelajar dan guru di sekolah mendapat maklumat terkini mengenai proses penjalanan pilihan raya, SPR dan Kementerian Pendidikan Malaysian (KPM) akan memperkenalkan "QR Code" pada buku teks sekolah. Para pelajar dan guru dengan itu bolehlah mendapatkan maklumat terkini dengan mengimbas QR Code tersebut. Ini akan memastikan agar semua pelajar dan guru mendapat maklumat terkini mengenai proses penjalanan pilihanraya tanpa memerlukan pindaan buku teks.

6. SPR bersama Kementerian Pendidikan merancang untuk menganjurkan "Program Pendidikan Sivik - Road To School" yang melibatkan 2,436 buah sekolah menengah di Malaysia pada tahun 2020. Ini akan melibatkan pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 6. Dianggarkan seramai 545,000 orang pelajar akan mendapat manfaat daripada program ini.
7. Di samping itu, SPR juga mencadangkan penganjuran Forum/ Dialog di universiti-universiti awam untuk menimbulkan kesedaran mengenai proses demokrasi dan pilihan raya khususnya di kalangan mahasiswa dan mahasiswi dan untuk memberi penerangan mengenai pindaan had umur mengundi dan calon kepada 18 tahun serta pendaftaran pemilih automatik.
8. Bagi membantu SPR dalam menyebarluas maklumat tentang demokrasi dan pilihan raya, APR juga akan terus menjalankan Program APR Associate Trainer (AAT) yang bertujuan untuk melatih mahasiswa universiti sebagai penceramah/ jurulatih untuk mengendalikan program pendidikan pengundi dan pendidikan sivik di kalangan para pelajar sekolah. Setakat ini, seramai 187 orang mahasiswa dan mahasiswi telah dilatih dan dilantik menjadi AAT dan mereka sedang giat membantu SPR untuk mengendalikan program pendidikan pengundi dan pendidikan sivik di kalangan pelajar sekolah.

9. YB. Menteri Pendidikan telah menyatakan sokongan penuh kepada SPR terhadap semua inisiatif di atas dan telah memaklumkan kesediaan KPM untuk membantu SPR di dalam menjalankan semua programnya di sekolah-sekolah dan institut pengajian tinggi awam. Bagi tujuan tersebut, KPM dan SPR akan menandatangani satu perjanjian persefahaman untuk melaksanakan program kerjasama pendidikan pengundi di kalangan para pelajar dan mahasiswa/mahasiswi dengan lebih bersepadu dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Pendidikan Malaysia
Tarikh: 09 Ogos 2019 / 08 Zulhijjah 1440H

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
Tarikh: 09 Ogos 2019 / 08 Zulhijjah 1440H